

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld.3 (17)

Tarikh : ~~27~~ Ogos 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2021

PENGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN PERNIAGAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2015 bertarikh 23 Mac 2015.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Standard Program: Pengajian Perniagaan (Programme Standards: Business Studies) telah dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan dikuatkuasakan penggunaannya pada 1 September 2015. Dokumen ini telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pendidikan tinggi dalam bidang Pengajian Perniagaan di Malaysia.
3. Bagi memastikan Standard Program: Pengajian Perniagaan kekal relevan, MQA telah melaksanakan **kajian semula** berasaskan kepada input yang diterima daripada pihak berkepentingan. Kandungan dokumen telah disemak dan ditambah baik oleh panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa pada peringkat nasional dan antarabangsa.
4. Kajian semula Standard Program: Pengajian Perniagaan adalah berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Programme (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF). Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program Pengajian Perniagaan.
5. Kajian semula ini juga telah menetapkan program praijazah/ prasiswazah (undergraduate) yang mengintegrasikan komponen Pengurusan (Management) dalam kurikulum dan penamaan program seperti *Diploma in Real Estate Management*, *Diploma in Plantation Management* dan *Bachelor in Sports Management* perlu

meliputi sekurang-kurangnya 25% daripada kursus yang disenaraikan dalam standard program ini. Bagi program profesional, ia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa badan profesional yang berkenaan.

6. Dokumen ini akan menjadi rujukan kepada PPT dan digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam penilaian akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan edisi terkini Standard Program: Pengajian Perniagaan dapat menghasilkan graduan program Pengajian Perniagaan yang berkualiti.

7. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Pengajian Perniagaan adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan Akreditasi. Pada masa hadapan, sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, standard yang lebih tinggi adalah terpakai, kecuali dinyatakan sebaliknya.

8. Standard program ini juga perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi MQA yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

9. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini Standard Program: Pengajian Perniagaan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 September 2021 sehingga 31 Ogos 2022	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program. Nota: <ul style="list-style-type: none">i. Kohort pelajar yang diambil selepas tempoh transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu dalam standard program.ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.

BIL.	TARIKH	PERKARA
		Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.
2.	1 Mac 2022	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	1 Mac 2022	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

10. Standard Program: Pengajian Perniagaan boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR

11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK